



Pak Nil dipilih ikon program 'Townhall' MADANI

Amin Jalil - Mei 6, 2023 @ 7:17pm
bhnews@bh.com.my

REMBAU: Selebriti terkenal, Datuk Aznil Haji Nawawi atau Pak Nil tidak menyangka dilantik sebagai ikon program Townhall MADANI dan Jelajah Ikon MADANI (IKON).

Pengacara tersohor berusia 60 tahun itu dijemput menyampaikan ceramah dalam slot 'Membentuk Siswa MADANI' pada program di Dewan Biduanda, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau, di sini, petang ini.

"Ini mengejutkan kerana kehadiran saya hanya untuk kongsi pengalaman sewaktu bergelar pelajar, tapi selepas ceramah, mereka (pelajar) menjadikan saya sebagai ikon. Saya diberitahu ada siri jelajah selepas ini untuk saya bersama dengan pelajar dan golongan muda.

"Alhamdulillah, saya sangat berbesar hati dan sangat teruja bertemu anak-anak sebab pengalaman yang dikongsi tadi, hampir 90 peratus kalangan pelajar ini ada pengalaman yang hampir sama," katanya.

Beliau ditemui selepas majlis perasmian program berkenaan oleh Ketua Pengarah Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM), Prof Datuk Dr Mohammad Agus Yusof dan disertai kira-kira 1,000 pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) sekitar Negeri Sembilan.

Aznil berkata, menjadi hasratnya untuk memberikan motivasi bagi menaikkan semangat dan komitmen mahasiswa dalam usaha mencapai kejayaan, bukan sahaja dalam bidang akademik, tetapi juga pelbagai bidang kemahiran lain.

"Saya mahu generasi muda menyelami konsep MADANI yang dilaksanakan kerajaan dengan sebaiknya kerana di dalamnya menekankan nilai-nilai murni dan sesuai diamalkan dalam kehidupan untuk mencapai kejayaan.

"Saya mahu mereka (pelajar) memiliki adab dan tatasusila yang tinggi selain menghargai pergorbanan ibu bapa yang membesarkan kita. Saya bukan dari keluarga senang, tapi kita boleh bebaskan keluarga daripada dibelenggu kemiskinan dengan belajar bersungguh-sungguh.

"Lagi satu adalah keyakinan diri dan ia bukan bergantung kepada wajah, tetapi dalam diri individu itu sendiri yang dipelajari di sekolah atau institusi pendidikan," katanya

menjelaskan, semua elemen positif itu akan dibawanya dalam setiap program Townhall MADANI.

Townhall MADANI adalah program inisiatif J-KOM, Jabatan Perdana Menteri dan Yayasan Prihatin Nasional (PRIHATIN). Ia berkonsepkan bual bicara yang menyasarkan pelajar baharu dan bakal graduan di IPT.

IKON juga program perkongsian ilmu oleh tokoh-tokoh yang berjaya dalam pelbagai bidang seterusnya melahirkan graduan yang mempunyai mentaliti kelas pertama.



Aznil mengambil swafoto bersama sebahagian peserta Townhall Madani dan Jelajah Ikon Madani (IKON) di Kampus UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Rembau. - NSTP/Mohd Amin Jalil.